

Tatakelakuan Transaksi Pembekal AEON

1. Undang-undang dan Peraturan

Kami akan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan syarat-syarat yang terpakai di negara dan kawasan di mana kami menjalankan perniagaan. Di samping itu, kami akan meminta pembekal, subkontraktor, dan kontraktor syarikat kami untuk mematuhi undang-undang dan peraturan tersebut dan juga Tatakelakuan Transaksi Pembekal AEON.

2. Buruh Kanak-kanak

Kami tidak akan menggunakan atau menyokong penggunaan kanak-kanak yang berumur tidak lebih daripada 15 tahun atau umur yang dibenarkan untuk digunakan dalam undang-undang negara. Mereka yang berumur di bawah 18 tahun atau di bawah usia yang dibenarkan untuk digunakan atau digajikan di bawah undang-undang perlu diutamakan untuk bersekolah, terutamanya jika tertakluk kepada Akta Pendidikan Wajib dan tidak mendedahkan mereka kepada bahaya atau ancaman terhadap kesihatan dan pembangunan fizikal dan mental.

3. Buruh Paksaan

Semasa rekrut atau penggajian, kami tidak akan memaksa atau terlibat dalam paksaan pekerjaan atau penggajian yang berlawanan dengan kemahuan pekerja tersebut, dengan cara menyekat kebebasan tindakan, fizikal, mental atau lain-lain dalam bentuk kurungan, ugutan atau serangan.

4. Waktu Kerja

Kami akan mematuhi undang-undang dan piawaian industri mengenai waktu kerja, rehat dan cuti. Kerja di luar waktu haruslah secara sukarela dan tidak diminta secara kerap. Kami akan membayar elaun kerja lebih masa untuk pekerjaan melebihi waktu kerja yang ditetapkan oleh undang-undang.

5. Upah dan Faedah

Kami akan mematuhi undang-undang tentang upah dan faedah pekerjaan negara terbabit. Kami akan melakukan pembayaran dan penolakan upah dan elaun-elaun lain, serta akan menyimpan rekodnya mengikut undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Upah hendaklah berpatutan atau lebih dari keperluan asas pekerja. Upah yang dibayar akan dijelaskan dengan cara yang dapat difahami oleh pekerja, termasuk bayaran elaun lebih masa

6. Penderaan dan Gangguan

Kami tidak akan terlibat, mengambil bahagian, atau menyumbang dalam hukuman penderaan, paksaan mental atau fizikal, dan penderaan lisan pekerja. Kami tidak akan membenarkan sebarang gangguan, termasuk gerak isyarat, bahasa, dan sentuhan fizikal, dalam semua aktiviti perniagaan.

7. Diskriminasi

Kami tidak akan melakukan diskriminasi atau terlibat dalam diskriminasi pekerjaan seperti pengrekrutan, upah, promosi, latihan, pemisahan kerja, persaraan, dll atas dasar bangsa, kewarganegaraan, etnik, jantina, umur, tempat kelahiran, agama, latar belakang pendidikan, kecacatan mental dan fizikal, orientasi seksual dan identiti jantina. Kami akan membuat semua keputusan pekerjaan berdasarkan keupayaan untuk melaksanakan fungsi yang diperlukan.

8. Kebebasan Berpersatuan dan Hak Perundingan Kolektif

Kami akan menghormati hak pekerja atas pilihan mereka sendiri untuk membentuk, menyertai, menjalankan persatuan kerja dan melakukan rundingan kolektif dengan syarikat bagi pihak pekerja mereka. Sekiranya undang-undang membataskan kebebasan berpersatuan dan hak rundingan kolektif, sebagai alternatif, kami akan mewujudkan sistem pengendalian aduan dan bertindak dengan jujur terhadap aduan kepada pihak pengurusan dan wakil pekerja

9. Kesihatan dan Keselamatan

Kami akan mengambil langkah yang efektif untuk menyediakan pekerja dengan persekitaran kerja yang selamat dan sihat yang mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa, sebagai tambahan kepada langkah untuk mencegah kecelakaan termasuk kemalangan, kecederaan dan penyakit berkaitan mental yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan kerja berpotensi. Kami juga akan mengguna pakai piawaian keselamatan dan kesihatan asrama dan kantin yang diberikan kepada pekerja.

10. Alam Sekitar

Di samping mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar di negara dan rantau pembuatan dijalankan, kami akan memberi pertimbangan maksimum juga kepada pemuliharaan alam sekitar. Kami akan memastikan bahawa bahan mentah dan komponen-komponen yang digunakan mematuhi undang-undang dan peraturan, perjanjian antarabangsa dan protokol negara-negara dan rantau di mana ia diguna pakai, dan memenuhi dasar alam sekitar yang ditubuhkan oleh AEON.

11. Transaksi Perdagangan

Kami akan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan transaksi perdagangan di negara asal, negara dan rantau eksport produk akhir dan komponennya.

12. Kejujuran dan Ketelusan

Dalam semua aktiviti perniagaan, kami tidak akan pernah terlibat dalam aktiviti yang bertentangan dengan etika seperti rasuah, pemalsuan, pengubahan atau menyembunyian rekod, bukti atau keterangan. Maklumat mengenai aktiviti perniagaan akan kami dedahkan dengan betul mengikut peraturan yang diguna pakai dan amalan perniagaan am.

13. Penglibatan

Kami akan melibatkan syarat-syarat Tatakelakuan Transaksi Pembekal-pembekal AEON ke dalam sistem pengurusan syarikat dan organisasi kami, dan berusaha secara keseluruhan organisasi untuk menyelesaikan isu sosial sepanjang rangkaian bekalan.